

TARIKH	9 / 5 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	19	RUANGAN	



Kakitangan Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur keluar dari rumah Sapinah Mamat selepas selesai prosiding di Pengkalan Kubor, semalam.

[FOTO FATHIL ASRI/BH]

## Rumah jadi 'mahkamah' kes haji ekspres

» *Saksi utama gagal hadir prosiding atas faktor kesihatan*

Nor Fazlina Abdul Rahim

### ► Tumpat

**P**erbicaraan kes sindiket 'haji ekspres' yang menawarkan orang Islam melangkau giliran bagi menunaikan ibadat haji dengan sejumlah bayaran, terpaksa diadakan di rumah saksi utama yang menghadapi masalah kesihatan.

Rumah saksi berkenaan, Sapinah Mamat, 62, di Lorong Belakang Balai Polis, Pengkalan Kubor, disyntihar sebagai mahkamah sementara oleh Ha-

kim Datuk Rozana Ali Yusof, namun wartawan tidak dibenarkan mengikuti prosiding terbabit.

Keputusan itu dibuat selepas Sapinah yang juga bekas juara qariah Tilawah al-Quran Antarabangsa gagal hadir ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur selepas tiga kali dipanggil berikutkan faktor kesihatan.

Turut hadir pada prosiding semalam ialah Timbalan Pendakwa Raya daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd Sophian Zakaria; dua tertuduh, iaitu juruanalisis Lembaga Tabung Haji (TH), Afizul Md Yasin, 34, dan kerani Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Haji, Jabatan Haji TH, Roslan Mohamed Som, 47.

#### Data sistem haji

Afizul diwakili peguam Rusli Zin, manakala Roslan diwakili peguam, Imam Abu Sa'id Nahrawi. Juruanalisis itu didakwa

atas tiga tuduhan, membuat capaian ke pangkalan data TH dan memasukkan nama 27 jemaah haji menggunakan program khas komputer Win SQL, menyebabkan pengubahsuaian kandungan pangkalan data sistem haji.

Dia yang didakwa pada 9 Februari 2012, dituduh melakukan kesalahan itu di Tingkat 13, Jabatan Teknologi Maklumat Bangunan Ibu Pejabat Tabung Haji di sini, pada tiga hari berbeza pada 2010, iaitu antara jam 11 dan 11.10 malam 10 Jun, (jam 2 dan 3.12 petang 12 Julai) dan (jam 10.55 dan 11.10 pagi 14 Julai).

Roslan pula dituduh menerima rasuah RM6,750 sebagai upah daripada Shamsudin Ibrahim yang berperanan sebagai orang tengah bagi menolong menguruskan nama 27 jemaah yang tidak layak menunaikan haji pada 2010 supaya dapat mengerjakan ibadat berkenaan tahun itu.

Ehwal Awam dan Kumpulan TH